

MAHATHI R-GETAH

1984

KUALALUMPUR, 2 MEI (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENGAQAKAN SATU KAJIAN BARU UNTUK-MENENTUKAN SIKAP DAN PENDEKATAN NEGARA DALAMBIDANG PENGELUARAN GETAH, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN JUGA AKAN HENGADAKAN PENYELIDIKAN SENDIRI HENGENAI PENGGUNAAN GETAH DENGAN LEBIH AKTIF.

DALAM HUBUNGAN INI, SEBUAH JAWATANKUASA PENILAIAN AKAN DITUBUHKAN YANG TERLETAK DIBAWAH KEMENTERIAN PERUSAHAAN UTAMA, TAMBAHNYA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MINGGU AN KABINET DI SINI.

KABINET HARI INI TELAH MEMBINCANGKAN LAPORAN MENGENAI GETAH YANG DISIAPKAN OLEH JAWATANKUASA PETUGAS SERAMAI LAPAN ORANG YANG TERDIRI DARI SATU KUHPULAN PAKAR BEBAS.

LAPORAN ITU YANG BERTAJUK +INDUSTRI GETAH ASLI MALAYSIA - 1983 HINGGA 2,000+ TELAH MENGGARISKAN STRATEGI DAN PENOEKATAN YANG HARUS DIJALANKAN TERMASUK PENYATUAN DAN PEMBESARAN KAWASAN GETAH DAN LANGKAH-LANGKAH SEGERA UNTUK MENAMBAHKAN PENGELUARAN GETAH ASLI MALAYSIA. -- LAGI 1631/SL

MAHATHIR - GETAH 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN MENGAMBIL INGATAN TERHADAP SYOR LAPORAN ITU, TETAPI TI DAN AKAN MENERIMANYA BULAT-BULAT MEMANDANGKAN TERDAPAT PERBEZAAN DI ANTARAPANDANGAN KERAJAAN DENGAN JAWATANKUASA PETUGAS ITU.

SEBAGAI CONTOH - BELIAU MENYEBUTKAN SYOR LAPORAN JAWATANKUASA ITU MENGENAI PENUBUHAN ESTET BARU BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN GETAH YANG MENURUTNYA BERBEZA DARIPADA LAPORAN KERAJAAN MENGENAI PENGELUARAN GETAH DINAMIK.

PERDANA MENTERI BERKATA KABINET JUGA TELAH MEMBINCANGKAN KEMUNGKINAN MENGAMBIL BURUK ASING UNTUK BEKERJA DI LADANG GETAH TEMPATAN BAGI MENGATASI MASALAH KURANGAN TENAGA PEKERJA.

+KITA MUNGKIN TERPAKSA MEMBAWA MASUK PEKERJA ASING MEMANDANGKAN SETENGAH-SETENGAH TERPAT TIDAK ADA PEKERJA SAMA SEKALI DAN TERDAPAT JUGA ESTET-ESTET DI MANA KITA TIDAK BOLEH MEMUJUK ORANG KITA UNTUK BEKERJA.+ -- BERNAMA 1639/SL